

## LAMPIRAN A

### PROTOKOL CATATAN PEMERHATIAN

#### Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Jasmani di Sekolah Menengah

---

Nama Sekolah :  
Jenis Sekolah :  
Lokasi Sekolah :  
Nama Guru :  
Nama Kelas :  
Bilangan Murid :  
Tajuk Pengajaran:  
Tarikh :  
Hari :  
Masa :

---

Panduan	Catatan Pemerhatian	Refleksi Penyelidik
<ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Huraian Persekutaran</b>, Persekutaran Fizikal Persekutaran Sosial Persekutaran Semantik</li>   <li>• <b>Kemudahan, peralatan kelas, peserta kajian</b></li><li>• Persekutaran kelas / latar tempat/konteks</li><li>• Bilangan murid</li><li>• Peralatan pengajaran dan pembelajaran (P&amp;P)</li></ul>		

... sambungan

Panduan	Catatan Pemerhatian	Refleksi Penyelidik
<p><b>Pelaksanaan P&amp;P</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Sebelum kelas bermula Pengkaji memastikan kedudukan yang sesuai untuk pengkaji duduk untuk membuat pemerhatian.</li></ul> <p>Pengkaji membuat pemerhatian menyeluruh suasana kelas, susunan, kedudukan peserta kajian, peralatan yang digunakan oleh guru semasa pengajaran dan pembelajaran di kelas</p>		
<p>Pemerhatian mengikut aspek yang dikaji Pelaksanaan pemindahan</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Pelaksanaan Permulaan Pengajaran</li><li>• Pelaksanaan Pertengahan Pengajaran</li><li>• Pelaksanaan Penutup Pengajaran Objektif, Kaedah Pengajaran/ansur maju/latih tubi Aktiviti Peruntukan Masa Organisasi Bilik Darjah</li></ul> <p>Aktiviti pembelajaran Aktiviti yang berlaku dalam kelas. Urutan aktiviti yang berlaku. Bagaimana respons murid. Pergerakan dan tingkah laku murid secara menyeluruh.</p>		
<p><b>Rumusan Pemerhatian</b></p>		

## LAMPIRAN B

### PROTOKOL TEMU BUAL [GURU]

#### Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Jasmani di Sekolah Menengah

Nama Sekolah :  
Jenis Sekolah :  
Lokasi Sekolah :  
**Nama Guru** :  
Nama Kelas :  
Bilangan Murid :  
Tajuk Pengajaran:  
Tarikh :  
Hari :  
Masa :

\* [P] bagi Penyelidik dan [R] bagi peserta kajian yang berkenaan untuk catatan temu bual

Garis Panduan Temu Bual	Catatan [P]	Komen/Isu/Refleksi [P]
<p><b>Membina rapport</b> Mewujudkan suasana kemesraan yang profesional</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Pengkaji mencari tempat yang selesa untuk dijadikan tempat temu bual.</li><li>• Pengkaji membina hubungan dengan peserta kajian sebelum menyoal soalan yang lebih berfokus kepada soalan kajian seperti latar belakang keluarga</li></ul> <p><b>Temu Bual Utama Peringkat Permulaan</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Maklumat tentang pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah,</li><li>• Latar belakang pendidikan,</li><li>• Pengalaman mengajar/berkursus,</li><li>• Pengetahuan tentang tajuk-tajuk,</li><li>• Cara pengajaran tajuk yang terkandung dalam sukatan pelajaran Pendidikan Jasmani</li></ul>		

... sambungan

Garis Panduan Temu Bual	Catatan [P]	Komen/Isu/Refleksi [P]
<p><b>Temu Bual Utama Peringkat Kedua</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Penjelasan tentang pelaksanaan P&amp;P <b><i>Probing</i></b></li><li>• Tunjang P&amp;P Pendidikan Jasmani seperti kecerdasan, kemahiran dan kesukaan yang cikgu laksanakan sekarang ini mempunyai kaitan dengan suasana semasa? Sukan tahunan, MSSKL?</li></ul> <p>*[P] akan perhatikan respons [R] untuk pertanyaan seterusnya</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Apakah persediaan pengajaran yang cikgu lakukan sebelum P&amp;P Pendidikan Jasmani?</li><li>• Apa pendapat cikgu tentang peruntukan agihan masa untuk tunjang dalam Pendidikan Jasmani?</li><li>• Sekiranya cikgu tidak pasti ansur maju yang bersesuaian untuk gimnastik artistik (atau topik pengajaran yang lain), apa agaknya yang akan cikgu lakukan?</li><li>• Apa pendapat cikgu tentang peranan yang dimainkan oleh pentadbir dalam pelaksanaan P&amp;P Pendidikan Jasmani?</li><li>• Apa yang cikgu lakukan sekiranya peralatan P&amp;P tak ada atau tak cukup?</li></ul>		
<p><b>Temu bual: Faktor-faktor yang mendorong dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Apa pendapat atau pandangan cikgu supaya Pendidikan Jasmani ini dapat dilaksanakan ikut perancangan?</li></ul>		

... sambungan

### **Temu bual Utama Peringkat Pertama**

Dijalankan setelah pemerhatian pengajaran dan pembelajaran dijalankan

#### **Soalan Kajian I**

1. Tentang pengajaran dan pembelajaran sebentar tadi (yang terkini):  
Apakah perkara-perkara penting yang cikgu tekankan?  
Apa yang cuba cikgu capai?  
Pandangan cikgu tentang pencapaian yang cikgu inginkan dalam topik tersebut  
Adakah cikgu rasa objektif pengajaran cikgu tercapai?
2. Adakah pengajaran cikgu berdasarkan pengalaman? pengetahuan? **kefahaman?**  
(probe, pengalaman, pengetahuan dan kefahaman yang semacam mana?)
3. Adakah cikgu bersetuju bahawa PJ merupakan platform untuk bangunkan JERI?  
**Pandangan atau konsepsi** cikgu tentang kurikulum Pendidikan Jasmani?
4. Pandangan cikgu tentang matlamat kurikulum PJ? Adakah sukar atau sememangnya realistik?
5. **Bagaimana terjemahan matlamat** atau objektif ini dalam pengajaran dan pembelajaran?
6. Adakah cikgu berhadapan dengan kekangan dalam menterjemahkan konsepsi / matlamat ini dalam pengajaran dan pembelajaran (ke arah mencapai matlamat, objektif)  
Sekiranya ada, macamana cikgu atasinya?  
Kekangan yang semacam mana? Alatan/kemahiran/infra/etc
7. Bagaimana cikgu memastikan (menilai) **kemajuan murid-murid** dalam pengajaran dan pembelajaran (dengan merujuk kepada tunjang pengajaran pada ketika itu)

#### **Soalan Kajian II**

1. Apakah persediaan cikgu sebelum ke kelas PJ?  
Bagaimana cikgu merancang pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani?  
(pengetahuan sedia ada murid/ minat atau kehendak murid/peralatan/infra/etc)
2. Apakah perkara yang diambilkira dalam merancang pengajaran dan pembelajaran ?  
Kandungan/ aktiviti/pengurusan bilik dajah
3. Bagaimana cikgu menggunakan HSP dalam merancang pengajaran dan pembelajaran?

...sambungan

4. Adakah HSP memberi gambaran yang jelas untuk cikgu jalankan pengajaran dan pembelajaran? Pada keadaan yang macam mana cikgu merujuk HSP?

#### **Soalan Disediakan Sebelum Temu Bual**

- Adakah cikgu minat mengajar PJ
- Adakah cikgu bahawa kita sendiri yang menyebabkan mata pelajaran PJ ini dipinggirkan
- Pelaksanaan kurikulum PJ yang berkualiti melibatkan pengajaran bermakna.peluang pembelajaran dan strategi pengajaran. Apa pendapat cikgu? Sejauhmana cikgu rasakan pengajaran cikgu ini bermakna?
- PJ merupakan mata pelajaran yang mampu membangunkan ketiga-tiga domain psikomotor, kognitif dan afektif. Bagaimana cikgu dapat memindahkan kefahaman ini terhadap murid?
- Apa pandangan cikgu akan kepentingan melaksanakan kurikulum PJ di sekolah?
- Apakan peranan cikgu dalam melaksanakan kurikulum Pendidikan Jasmani?
- Adakah cikgu rasa murid merupakan faktor utama cikgu melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani sedemikian?
- Adakah cikgu merasakan bahawa terdapatnya perkara yang membantutkan usaha cikgu melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani sepetimana yang tersurat dalam kurikulum kebangsaan?
- Apakah situasi yang ideal yang cikgu harapkan dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran PJ?

## LAMPIRAN C

### PROTOKOL TEMU BUAL [MURID]

#### Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Jasmani di Sekolah Menengah

Nama Sekolah :  
Jenis Sekolah :  
Lokasi Sekolah :  
**Nama Guru Kelas** :  
**Nama Murid** :  
Nama Kelas :  
Bilangan Murid :  
Tajuk Pengajaran:  
Tarikh :  
Hari :  
Masa :

- [P] bagi Penyelidik dan [R] bagi peserta kajian yang berkenaan untuk catatan temu bual

Garis Panduan Temu Bual	Catatan [P]	Komen/Isu/Refleksi [P]
<p><b>Membina rapport</b> Mewujudkan suasana kemesraan yang profesional</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Pengkaji mencari tempat yang selesa untuk dijadikan tempat temu bual.</li><li>• Pengkaji membina hubungan dengan peserta kajian sebelum menyoal soalan yang lebih berfokus kepada soalan kajian seperti latar belakang keluarga</li></ul> <p><b>Temu Bual Murid</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Apakah perasaan kamu bila menghadiri kelas Pendidikan Jasmani</li><li>• Aktiviti yang macam mana menjadi pilihan kamu</li><li>• Apakah persediaan kamu bila ke kelas Pendidikan Jasmani?</li><li>• Pernah mewakili sekolah dalam permainan semasa di peringkat sekolah rendah?</li><li>• Bagaimana Buku Pendidikan Jasmani Tingkatan satu yang sekolah bekalkan membantu kamu</li></ul>		

... sambungan

Garis Panduan Temu Bual	Catatan [P]	Komen/Isu/Refleksi [P]
<ul style="list-style-type: none"><li>• Apa pandangan kamu tentang kelas Pendidikan Jasmani yang kamu hadiri tadi/hari ini (nyatakan tarikh dan hari)?</li><li>• Sekiranya peralatan semasa Pendidikan Jasmani tidak mencukupi, apa yang cikgu lakukan/ apa yang kamu buat?</li><li>• Apa cadangan kamu tentang Pendidikan Jasmani ini?</li></ul>		

## LAMPIRAN D

### PROTOKOL TEMU BUAL [Gunakan Kata Kunci]

#### Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Jasmani di Sekolah Menengah

Nama Sekolah :  
Jenis Sekolah :  
Lokasi Sekolah :  
**Nama Guru** :  
Nama Kelas :  
Bilangan Murid :  
Tajuk Pengajaran:  
Tarikh :  
Hari :  
Masa :

\* [P] bagi Penyelidik dan [R] bagi peserta kajian yang berkenaan untuk catatan temu bual


Garis Panduan Temu Bual	Catatan [P]	Komen/Isu/Refleksi [P]
<p><b>Temu Bual Utama Peringkat Permulaan</b> (Kurikulum, Pendidikan, Kerjaya (KPK)</p> <p>Pelaksanaan Kurikulum Sekolah</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Maklumat tentang pelaksanaan kurikulum secara umum</li><li>• Maklumat tentang pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah</li></ul> <p>LB Pendidikan</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Latar belakang pendidikan, Rendah, Menengah, Maktab, Universiti</li></ul> <p>LB Kerjaya (Umum dan Khusus)</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Pengalaman mengajar</li><li>• Pengalaman mengajar PJ</li><li>• Pengalaman berkursus,</li><li>• Pengalaman memberi kursus</li><li>• Pengalaman keterlibatan dalam kurikulum (KS/JU?)</li></ul>		

## LAMPIRAN E

### PROTOKOL RINGKASAN BUKTI DOKUMEN

#### Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Jasmani di Sekolah Menengah


---

Garis Panduan	Ringkasan Catatan Dokumen
<p>Tempat Kajian : <b>SMK Dua</b></p> <p>Tajuk Pelajaran : <b>Pendidikan Jasmani</b></p> <p>Tarikh Diperoleh: <b>16/6/2008</b></p> <p>Peserta Kajian : <b>Shaari</b></p> <p>Jenis Dokumen : <b>Rancangan Tahunan (RT)</b></p>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Namakan dan huraikan dokumen yang didapati</li> <li>• Terangkan keadaan atau cara mana didapati dokumen tersebut</li> <li>• Rumusan isi dokumen</li> <li>• Kepentingan dokumen kepada tujuan kajian</li> </ul>	<p><b>Rancangan Tahunan (RT) SMK Dua</b></p> <p>Dokumen di dapati dari peserta kajian yang bernama Cikgu Shaari pada 16/6 2008.</p> <p>RT ini berada di dalam buku rekod pengajaran beliau dan merupakan rujukan beliau dalam merancang pnp mingguan dan harian.</p> <p>RT ini merupakan RT yang lengkap dengan mengambilira agihan waktu yang diperuntukkan oleh kurikulum PJK. Shaari berpandukan minggu yang tertera pada RT untuk dimuatkan dalam Rancangan Mingguan dan Harian.</p> <p>Dokumen ini juga merupakan dokumen yang dibekalkan oleh Panitia PJK SMK Dua kepada guru-guru PJK Tingkatan 1 di sekolah.</p> <p>* Dokumen ini mengesahkan bahawa Shaari berpandukan RT dalam perancangan pnp tetapi RT ini berbeza dengan Sara yang berada di konteks yang sama kerana penyusunan tunjang pembelajaran Sara adalah berdasarkan takwim semasa sekolah.</p>

## LAMPIRAN F

### TRANSKRIPSI DARI RAKAMAN TEMU BUAL DENGAN MENGGUNAKAN DIGITAL VOICE EDITOR.

#### Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Jasmani di Sekolah Menengah



## **LAMPIRAN G**

### **CONTOH TRANSKRIPSI TEMU BUAL**

#### **Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Jasmani di Sekolah Menengah**

---

##### **3Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Jasmani di Sekolah Menengah**

**4oleh Guru Tingkatan Satu**

**5**

6Tarikh : 23 April 2008

7Hari : Rabu

8Masa : 8.30 am

##### **9Perbualan dijalankan dalam waktu pengajaran dan pembelajaran dijalankan**

**10P**

11Anda rasa mata pelajaran PJ ni memerlukan guru mengajar atau tidak?

**12Azim**

13Kena mengajar..cikgu aje yang biarkan. Kalau ikut silibus, kena ajar le..tapi saya biarkan saja budak main 14 bola kat padang.

**15P**

16Kenapa macam tu?

**17Azim**

18Biarlah... ajarpun bukan mereka nak dengar. Subjek periksa dia tidak peduli, PJ lagi la di tidak kisah. Kita 19saja yang susahpun tidak ada siapa peduli.

**20P**

21Bunyi macam merajuk?

**22Azim**

23Memang macam tu. siapa yang pandang PJ? Kita yang rajinpun macam jadi malas dah.... lagipun budak 24 akti masa PJ ni dah okey pada saya. Dari duduk diam kat tepi padang, tak bagi apa yang diaorang nak 25 main, baik saya bagi saja bola.

**26P**

27Minat tak mengajar?

**28Azim**

29Used to. Pernah minat...taapi keadaan sekarang menjadikan saya tidak minat dah.

**30P**

31Maksudnya?

**32Azim**

33Pernah berminat. Sekarang bukan tak minat....macam mana nak cakap aaaa. Macam yang akan tengok 34 ni la.... budak aktif main kat padang, kita kalau ada peluang rehat, kenapa tak gunakan.... sebenarnya 35 dah penat dah....semua kita buat. Sukan kita, permainan kita, bawak budak kita...betulkan paip kat tandas 36 pun panggil kita!.

**37P**

38Kalau selalu macam ni (duduk dan lihat sahaja murid bermain di padang), tak rasa apa-apa ke (bosan ke)

**39Azim**

40Tak...tak tahu le, relaksaksi kut...kah..kah..kah...

41Bukannya tak minat, keadaan yang buat saya tak minat

**42P**

43Maksudnya...

**44Azim**

45Saya minat ajar PJ, tapi banyak sangat beban, ini yang buatkan kita macam ni

**46P**

47Beban macam mana?

**48Azim**

... sambungan

49Tugas lain..itu tak pa juga...tapi macam tak dihargai ye juga...orang tak tanyapun PJ

**50P**

51Jadi macam ni (duduk dan lihat muird main) disebabkan tugas yang lain?

**52Azim**

53Sebab utama kut..sebab utama kut. Saya buat comparison ye.. saya ada dua orang rakan guru di sekolah  
54integrasi...di bawah jabatan PJ. So, dia ajar PJ aje...semua hal sukan dia le..maknanya cikgu mata  
55pelajaran lain takkkan pegang dah mana-mana berkaitan sukan. Cikgu-cikgu jabatan PJ ni aje yang kena  
56handle budak bola sepak, olahraga..semua jenis sukan la...tapi dia happy la. Integrasi macam maktab  
57la...ada jabatan PJ, jabatan bahasa...Kalau kita ada urusan lain, rakan daripada jabatan akan gantikan.  
58Maksudnya, kita bukanlah berada di beberapa panitia macam yang ada sekarang ini. Jadi, kosentrasi dan  
59motivasi untuk mengajar bidang kita lebih tinggi berbanding sekarang yang macam rojak  
60Simple kak...fasal baju..ada kah saya berpakaian sukan sepanjang hari saya tak boleh mengajar dalam  
61kelas? Kenapa kena tukar time rehat? Buat satu pekeliling cikgu PJ berpakaian sukan satu hari  
62(dibenarkan)..simple as that...tak boleh juga, lepas rehat, kena tukar jugak...memang saya tak nak.

**63P**

64Kenapa tak dibincangkan sewaktu mesyuarat panitia dengan pentadbir?

**65Azim**

66Tak boleh. Pengetua boleh cakap okey saya tak kisah...tapi orang dari kementerian, orang dari jabatan  
67datang, saya kena jugak selepas rehat still berpakaian sukan. Atas perikemanusiaan pengetua,  
68boleh...tapi dari segi pekeliling, tak boleh.

**69P**

70Kalau ikut pekeliling, mengajar 2 waktu PJ sekali gus (anjal) macam jadual waktu sekolah ni pun tak  
71boleh...tetapi kenapa masih berlaku? Mungkin sekiranya pentadbir boleh rasionalise....

**72Azim**

73Tak boleh kak.....pentadbir akan menjawab lain nanti, dia (pentadbir) ada keperluan masa menjawab.  
74Cuma satu aje saya pertikai...ada ke berpakaian sukan seharian tidak membolehkan saya mengajar di  
75kelas? Unless hari Isnin la...sebab hari Isnin kena smart sikit la..tak pa la... settle satu masalah dari segi  
76pakaian.

**77P**

78Ini merupakan satu kekangan

**79Azim**

80Kekangan la..kemudian kekangan yang kedua, orang tak tanya kelas PJ saya macammana...orang tanya  
81kelas Kemahiran Hidup saya macam mana..dari segi markah.

**82P**

83Mungkin PJ tiada peperiksaan, sebab tu orang tak tanya markah

**84Azim**

85Bukan tak da peperiksaan, ada...tapinya, adakah peperiksaan itu membantu pelajar dan juga cikgu?  
86Jawapannya tidak langsung...sekadar memenuhi slot-slot yang tertentu sahaja. Start tahun lepas kita  
87orang tak buat dah PJ (peperiksaan) buat apa..malas dah..nak buat apa, penat nak berrizo-rizo

**88P**

89Tetapi, sekiranya cikgu tidak mendedahkan mereka dengan kemahiran, mereka main macam ni aje (main  
90tanpa pengajaran guru) tetapi sekiranya cikgu mengajar dengan menerapkan kemahiran-kemahiran,  
91strategi permainan dan sebagainya, murid akan mendapat sesuatu dari cikgu...tak macam tu?

**92Azim**

93Memang la..yang membuatkan PJ ni enjoy, cikgu le

**94P**

95Syam sebagai guru PJ memahami kehendak falsafah dan tuntutan mata pelajaran kan...maksudnya di  
96sini..kefahaman ini tidak dapat disampaikan kepada murid ke?

**97Azim**

98Kefahaman saya simple...simple. Bagi saya PJ adalah pendidikan sepanjang hayat. Yang saya  
99terapkan..contoh macam memanaskan badan.Kalau saya biarkan mereka lakukan memanaskan badan  
100dengan salah, sepanjang hayat dia akan buat salah. Macam main bola, saya tak boleh ajar ini adalah  
101cara yang betul....sebab tak ada cara yang betul

**102P**

## ... sambungan

103Tapi, bukankah sekiranya mereka silap, you stop them n show the way...

### **104Azim**

105Dulu ada...sekarang tak da. Sekarang lebih kepada prinsip pertandingan

### **106P**

107Pertandingan yang macam mana?

### **108Azim**

109Pertandingan yang sihat antara murid. antara kelas...secara tak langsung murid bersaing sihat....mereka

110susun sendiri strategi..

111Semuanya terangkum...enjoy ada, belajar sendiri pun ada...bersaing sendiri...

### **112P**

113Macam hari ni..apa yang ingin dicapai?

### **114Azim**

115I Bijak kena menang...asyik kalah.ha..ha..ha.. senang aje objektif saya...tak da,

116Masa PJ inilah mereka cuba strategi itu dan ini. Seperti yang saya kata, *by doing they learn something*

117mereka sebenarnya mencuba dengan cara mereka sendiri. Kadang-kadang, sewaktu Kemahiran Hidup

118mereka dapatkan pandangan saya untuk mantapkan strategi menyerang pasukan lawan. Saya hanya

119sebagai pemudahcara!

120PJ sekarang ni diperingkat kementerian dah ada Jabatan dia..dulu tak ada, tapi....setakat di

121Kementerian la.

### **122P**

123Okey, sekiranya diberi peluang kepada anda untuk set upkelas PJ, keadaan yang semacam mana

124yang dikehendaki? PJ yang ideal di dalam fikiran?

### **125Azim**

126Untuk PJ saya tak da, tapi diperbaiki struktur yang lain, surely PJ akan menjadi elok. Pertama sekali,

127pemakaian cikgu. Pertama saya minta, kenapa cikgu tak boleh berpakaian PJ satu hari.Itu saya mintak.

128Saya tak faham rasional dia kenapa cikgu mesti tukar (tukar baju) kenapa?

### **129P**

130Maksudnya, sekiranya dibenarkan memakaian baju PJ sepanjang hari, you akan turun padang?

### **131Azim**

132Naik 30%. Yang kedua, dari segi kelengkapan untuk pelajar, pengetua dengan begitu mudah

133memberikan bilik persalinan lelaki pada PKP menyebabkan kitaorang tak ada tempat menyimpan

134barang sukan. Alasan yang pengetua bagi, cikgu malas nak mengajar..tapi dah makin malas la jadinya.

135Yang ketiga, ini peringkat kementerian, mata pelajaran PJ, wajib kan la...Saya pernah ajar otot-otot

136yang terlibat, tak ada masalah...kalau ingat-ingat lupapun buka buku 2,3 hari boleh ingat balik.

### **137P**

138Bukankah PJ memang mata pelajaran teras?

### **139Azim**

140Yes.... Tapi cara kita dilayan? Kita dikatakan sebagai penting, tapi adakah kita dilayan sebagai penting?

141Tak....Nak penuhkan stadium kita la.....Macam tu la PJ...Dalam Falsafah Pendidikan ada

142Jasmani...subjek lain ada ke? Saya pun siap pegi la ke Cameron Highlands tu..buat soalan semua..at

143last? Saya jumpa dengan salah seorang pengubal HSP rancangan mengajar mingguan...untuk KL la....

144Dia pun..."orang bagi duit buat, buat la..." dia pun... hai orang yang berbelas tahun, dia pun macam

145tu..he..ha...

146Setakat ni saya tak da masalah lagi...kalau kita penat-penat kat padang, kotor kasut kak, dari segi

147penilaian markah saya hujung tahun, adakah diambil kira? Setakat ni saya dah buat tiga tahun tak ada

148masalah, markah masih tinggi lagi sebab saya sibuk dengan sukan, sibuk dengan merentas desa, saya

149bawa budak bola. Itu pun tak diambil kira..lebih kepada kemahiran hidup saya. Latihan saya buat, kerja

150kursus saya buat..so, dari segi kepentingan perjawatan, akak pilih yang mana satu?

### **151P**

152Maksudnya, pengajaran dan pembelajaran PJ tidak diambil kira dalam SKT?

### **153Azim**

... sambungan

154Tak...tapi tak pa. Akak tanya budak form 5, dulu saya ajar PJ macam mana...gila-gila saya ajar..tapi bila  
155saya masuk bilik guru, yang diaorang concentrate fasal PJ ni, jangan pecahkan cermin la...jangan pakai  
156seluar pendek la...ltu pun satu fahaman juga....seluar pendek..kenapa tak boleh pakai?Baju awak  
157berterburu la budak-budak ni....

158Masalah satu lagi, saya tak garang...kalau saya garang, okey kut..saya tak percaya kepada hukuman,  
159merotan, menampar, bukan jalan penyelesaian. Jadi..itu la, down to earth, enjoy la. Akak tanya diaorang  
160(merujuk murid-muridnya) dioarang enjoy tak PJ? Sure diaorang enjoy..tanya objektif tercapai ke tak,  
161diaorang tak tahu la. At least, we get something from what they have done.

162Saya bukan tak ajar, kelengkapan, tahun lepas punya peruntukan....jadi pasu bunga. Jadi bunga-  
163bungaan. Saya dah 3 tahun berangan nak beli tempat lompat tinggi tu, tak mampu lagi.

**164P**

165Kenapa tak suarkan semasa mesyuarat?

**166Azim**

167Tahun ni la saya nak beli tu. Tahun lepas, SU cikgu Adi tu ...bagusla tapi dia by book punya  
168orang..orang ikut law ...pengetua kata tak boleh, tak boleh la

169Tahun ni budak ragbi...budak masuk akhir, jersi masih jersi pinjam...atas dasar apa keperluan  
170sekolah..tak perlu jersi ragbi, mahal...memang mahal pun...

171Saya tak da masalah nak mengajar PJ, saya semangat nak mengajar PJ. Pertama, yang saya mintak tu  
172la...dari segi pakaian. Kenapa saya tak boleh berpakaian sukan sepenuh hari. Saya boleh buat, tak da  
173masalah, pengetua tak marah pun, dia tak tegurpun setakat ni, tapi belum sampai masanya la...kalau  
174dah sampai masa, dia akan tegur jugak la. Itu satu, keduanya dari segi pelajar.Kalau cikgu ajar salah,  
175kenapa pelajar lagi mangsa

**176P**

177Cikgu-cikgu lain tegur dari segi pakaian pelajar yang kotor tu ke?

**178Azim**

179Aaaa bilik persalinan dah ada elok-elok, bagi kat PKP. Sudahnya barang sukan letak kat bilik persalinan.

180Budak salin la baju celah-celah minyak itam, celah-celah tiang gol semua

181Ha..ha...macam inilah....

182Meaningful through HSP memaang tak ada...sebab cikgu tak ajar ikut HSP.Kalau saya kata ada saya  
183tipu la kan! Tetapi meaningful bagi budak tu sendiri, ada..dia bersemangat nak lawan masa PJ, itu ada

**184P**

185Bermakna dalam mengambangkan kemahiran motor halus dan kasar?

**186Azim**

187Kalau setakat aerobic dan anaerobic tu ada la....

**188P**

189Skill dari guru? Pemindahan pengajaran dari guru ke murid

**190Azim**

191Belum berkesempatan kut... kalau dengan form 4 okey....

**192P**

193Main dengan mengajar lain kan?

**194Azim**

195Tahu...tapi masa main kita mengajar jugak

**196P**

197Dengan student form 1 ni?

**198Azim**

199Dengan diaorang ni..kotor padang...kah..kah..kah...

**200P**

201Bukan ke tingkatan 1 ni penting untuk kita pupuk atau train mereka?

**202Azim**

203Kalau saya borak dengan cikgu sekolah rendah, kat sebelah ni aje, maksimum sampai darjah 4 aje. Bila  
204lepas tu, Bila dah masuk kelas tinggi, dah mula push dah...UPSR. Cikgu lebih kepada peperiksaan

205Saya sendiri berangan..kalau sekolah saya ada dewan.

**206P**

*Transkripsi Temu bual*

... sambungan

207Untuk apa dewan?

**208Azim**

209Banyak...boleh buat le, latihan fartlek ke..lari ulang-alik dalam tu, UKJK

**210P**

211Kat sini tak kan tak boleh (gelanggang bola keranjang)

**212Azim**

213Orang tengok tak syok..tak suka saya. Kat tengah ni, semua orang tengok kita. Mengangu budak, budak  
214nak belajar dalam kelas nak belajar pun tak boleh

**215P**

216Sebab budak minat, fasal tu mereka tengok

**217Azim**

218Orang tend to complain more. Bukan enjoy tengok kita buat..tak..lebih kepada nak complain je.

219saya tak suka orang tengok , lepas tu orang kata.... Samm masa PJ bising la Samm, orang nak belajar

220dalam kelas susuh la Samm. Tak elok la Samm, budak perempuan asyik tengok je..pakai seluar

221pendek, Tak bahaya ke Samm. Orang suka complain!

222Saya pernah pergi ke Sri Bintang Selatan juma member saya. SBS, ida ada asrama.PJ dia ada lepas

223rehat.Tak payah nak kejar pagiii aje semua, ada lepas rehat. Boleh main dalam dewan.Budak happy

224main dalam dewan. Orang tak kakau, kita main sama kita je

**225P**

226Maksudnya infra juga memainkan peranan di sini

**227Azim**

228Saya tak suka orang kat atas..kementerian. Sebab, kementerian tu cikgu sebenarnya..ada air cond sikit,  
229lupa.

**230P**

231Apa harapan anda sebenarnya?

**232Azim**

233Pertama sekali, mertabatkan a PJ. Kita asyik dengar sains matematik, sains matematik..ada orang cerita  
234fasal PJ tak ? tak ada...

235Ada orang complain tak kenapa anak saya main bola aje.....tak da, tapi sains dan matematik, semua  
236orang complain. So maknanya PJ ni tak martabat la..

237Lagi satu, berapa ramai dah cikgu graduate PJ..bukan saya golongan pertama, adakah berubah? Tak  
238berubah....macam dulu jugak. Kalau setakat saya sorang berubah, maknanya nak ubah, bukan cikgu di  
239bawah...perubahan cikgu di bawah tidak mempengaruhi orang di atas....orang di atas patut fight!

240Serupa juga paksa-paksa budak...kalau saya dah kata, tak lama lagi PMR buat persijilan terbuka

241sebagai contoh, PJ masuk la dalam PMR. Apa yang susuhnya. Bila dah masuk periksa, baru la kita

242boleh bawa budak masuk kelas....untuk belajar PK

**243P**

244Konsepnya, tak nak bebankan pelajar dengan peperiksaan, jadi PJ ni merupakan mata pelajaran yang  
245mendatangkan keceriaan...

**246Azim**

247Ini la dia ceria

## LAMPIRAN H

### CONTOH TRANSKRIPSI PEMERHATIAN

#### Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Jasmani di Sekolah Menengah

**2Nama Sekolah**

3SMK (P) .....

**4Jenis Sekolah**

5Sekolah Harian Biasa ( B )

**6Lokasi Sekolah**

7Kuala Lumpur

**8Nama Guru**

.9.....

**10Nama Kelas**

111Bestari

**12Bilangan Murid**

13 18 orang + (6 tidak bawa baju PJ) [mxbbj](#)

**14Tunjang**

15Kecergasan

**16Tajuk Pengajaran**

17Ujian SEGAK

**18Tarikh**

1925 Mac 2008

**20Hari**

21Selasa

**22Masa**

238.45 am-9.20 am

**24**

**25Huraian Persekutaran**

26Persekutaran SMKPB sunyi. Pada masa saya berjalan menuju ke stor PJ, saya hanya dengar suara guru

27yang mengajar. Mungkin sekolah ini terdiri dari sekolah perempuan yang disiplinnya agak terkawal.

[28\(persekutaran sunyi\)](#)

29Saya dapat melihat terdapatnya *mini fitness centre* di bahagian hadapan, sebelah kiri laluan masuk ke

30kawasan sekolah. Walaupun hanya mini, tetapi mempunyai sebanyak 16 stesen. [\(infra yang ada\)](#)

31Terdapat dewan terbuka bersebelahan *mini fitness centre* tersebut.

32Kawasan sekolah agak terhad, hanya terdapat satu gelanggang bola keranjang yang juga berfungsi

33sebagai tapak perhimpunan sekolah.[infra sekolah](#)

**34Di Stor**

35Saya berjumpa Amelia di dalam bilik stor PJ.

36Keadaan di stor PJ walaupun kecil tetapi tersusun. Cuma, sekali pandang sememangnya kita tahu

37bahawa sekolah ini mungkin tergolong dalam sekolah lama ataupun sekolah yang dikelilingi

38pembangunan. Hal ini saya katakan kerana terdapat bekas sarang anai-anai.

**39CP**

40Selalunya anai-anai akan berada di tempat yang lama atau di tempat yang berhampiran dengannya telah  
41pun diteroka.

42Saya yakin dengan kenyataan ini kerana apabila saya pandang ke belakang, saya dapat melihat dengan  
43jelas bangunan Berjaya Times Square dan Amoda Building (bersebelahan bangunan Low Yat Plaza,

44Jalan Imbi)

45CT hanya senyum memandang saya yang memadang luas ke hadapan. Tanpa menunggu jawapan

46saya....katanya "memang..... banyak anai-anai....kat office pun ada tau"

47Saya bertanya peracangan pengajaran pada hari ini dan katanya "hari ni saya hanya buat SEGAK tau..."

48tak buat sebenarnya, saya nak tengok Tan buat" (merujuk kepada salah seorang guru PJ yang lain).

49Tidak pasti [kemahiran](#)

50CT menyediakan penimbang berat. untuk di bawa ke DT untuk ujian SEGAK

... sambungan

**51Persediaan guru**

52CT menyuruh saya tunggu dan berjalan menuju ke pejabat  
53Saya lihat CT kemudiannya berjalan menuju ke dewan terbuka

**54**

**55Fasa Impact (Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran)**

**56Permulaan Pengajaran**

57Guru kira bilangan murid

58Di dewan terbuka, CT memberikan arahan supaya lari dua pusingan dewan untuk memanaskan badan  
59(**arahan warm up**)

60"Depan saya..... mana barisan...mana lagi? Okey.... yang berdiri dihadapan macam biasa, pusing  
61gelanggang ikut farisan putih dahulu, kemudian baru keliling bangunan ni (dewan terbuka)..... yang tak  
62bawa bajupun kamu lari....go..."

63Murid berlari (termasuk murid yang tidak membawa pakaian PJ)

64Murid tiba di dewan terbuka seorang demi seorang termengah-mengah...

65"jangan duduk.... goyang-goyang....okey.... baris ikut rumah sukan kamu...sini (sebelah kanan) merah,  
66biru, hijau, kuning" sambil menunjukkan isyarat tangan tentang kedudukan barisan murid.

67CT mengetuai aktiviti regangan. memulakan dari bahagian atas hingga ke bahagian kaki (**guru lead**)

68"okey tarik nafas...tarik...tarik....lepas... depan..(sambil angat tangan ke hadapan) 2, 3, 4, 5, 6, 7 dan 8"

69CT meneruskan aktiviti memanaskan badan dengan mengetui dihadapan. CT tidak bercakap selepas  
70itu...hanya murid-murid terus mengira dari kiraan satu hingga lapan.

71Pergerakan yang bermula dari bahagian atas hingga ke bahagian bawah (upper and low extremity)

72CT angat tangan ke atas, depa ke sisi kanan dan kiri, temukan semula tangan di hadapan dan jatuh. CT  
73mengulanginya sebanyak 4 kali.

74CT membengkokkan badan ke hadapan dengan tangan menyentuh lantai..kiraan 1-8, tegak neutral,  
75membawa dua belah tangan kanan menyentuh pergelangan kaki kiri, kiraan 1-8, tegak neutral, membawa  
76dua belah tangan menyentuh bergelangan kaki kiri..dirian separa (bent-knee position), kiraan 8 sebanyak  
774 ulangan. CT membuat regangan di kaki (archilles tendon & ankle)

78Selesai membuat regangan, CT menyuruh semua murid duduk. (**pengurusan kelas**)

79Sebenarnya, tadi tu kamu telah membuat latihan Fartlek... Latihan apa kelas? Latihan  
80Fartlek. Kamu tahu apa itu Fartlek? Okey, bila kamu mula berlari, kamu lari dengan laju...

81kemudian perlakan. Betulkak? Ada yang jalan... ada yang jalan pantas, kemudian lari lagi. Jadi, semasa  
82kamu lari mengelilingi bangunan, terdapat pelbagai kelajuan kan! lari laju, lari perlakan, berjalan, berjalan  
83pantas, kemudian berjoging dan kemudian lari. Kepelbagaian kelajuan tersebut dinamakan Farlek. So,  
84apa itu latihan Fartlek? Latihan yang melibatkan kepelbagaian kelajuan.Faham tak

85CT memberi penerangan ujian SEGAK. **Guru beri input**

86"nanti....kita akan buat ujian kecergasan... saya akan ambil dan catat markah yang kamu dapat .... nanti  
87bila kakak-kakak (murid cikgu Tan) buat..kamu tengok betul-betul macam mana mereka buat... nanti  
88kamu tak faham macam mana nak buat dengan betul... depan (bergerak kehadapan ) sikit....duduk ikut  
89barisan rumah sukan kamu

90CT menyuruh murid duduk dalam barisan menghadap CT (**pengurusan kelas**)

91"okey tengok depan.."

92CT mengarahkan murid-murid duduk dan melihat murid-murid kelas Cikgu Tan (**kurang pasti kemahiran**)  
93Cikgu Tan dan murid-muridnya berada di sebelah kanan cikgu CT.


94Di hadapan cikgu Tan terdapat bangku setinggi satu kaki, dua *gym mat*, radio dan tape. **abm**

**95**

**96**

... sambungan

97  
98  
99  
00  
101  
102  
103  
104



105  
106  
107  
108

- 109 Dewan Terbuka di bahagian bawah bangunan setinggi tiga tingkat  
110 Cikgu Tan menyuruh murid-muridnya melakukan ujian naik turun bangku  
111 Muri-murid cikgu Tan (mungkin telah pun ditaklimatkan) membuat ujian naik turun bangku.  
112 CT membuat naik turun bangku dengan mengikut rentak metronome tersebut tetapi melakukannya  
113 dengan menggunakan tepi bendul dewan terbuka...CT seakan-akan berlatih kerana tidak pasti rentak  
114 Ujian Naik Turun Bangku.  
115 CT menghampiri murid-muridnya....  
116 "awak nampak tak macam mana kakak-kakak awak buat? Sekarang lihat lagi....mereka akan tunjukkan  
117 kepada kita untuk buat tekan tubi dan bangkit tubi...saya ada buat masa awal tahun...ingat takk? Okey  
118 tengok sini"  
119 CT menyuruh murid melihat demo (oleh murid Cikgu Tan) tekan tubi dan bangkit tubi.  
120 Murid cikgu Tan melakukan aktiviti dengan mengikut arahan yang cikgu Tan berikan.  
121 Setelah selesai melihat demo oleh murid-murid Cikgu Tan, CT menyuruh murid-murid kelasnya berdiri  
122 dipinggir bendul untuk mendapatkan pace naik turun bangku iaitu kaki kanan naik, kaki kiri naik, kanan  
123 turun, kiri turun kemudian kaki kiri turun dan ([latih tubi](#))  
124 "okey bangun semua... berdiri macam saya (sambil tunjuk cara) di tepi sini (sambil tunjuk arah bendul di  
125 dewan terbuka). Kita akan cuba dulu...bila bunyi tape ini nanti....kamu cuba buat macam yang dibuat  
126 oleh kakak-kakak kamu tadi okey"  
127 seterusnya...Cikgu Tan memulakan tape dan murid mencubanya.  
128 "Kanan, kiri, kanan, kiri, kiri, kanan, kiri, kanan, kanan" laung CT. ([latih tubi/input](#))  
129 Butiran ini penting bagi memastikan murid-murid melakukannya secara seimbang di kedua-dua belah  
130 kaki.  
131 Ramai murid tidak dapat mengikut pace tersebut.  
132 CT memberhentikan tape tersebut.  
133 CT memanggil semua murid ke bahagian tengah dewan terbuka tersebut.  
134 "beratur ikut rumah sukan. ([pengurusan kelas](#))....Okey, nanti kita buat masa seterusnya...ingat bawa  
135 baju PJ pada hari Khamis" ([pesan PJ](#))  
136 CT merumus prosedur naik turun bangku tersebut. ([rumasan aktiviti](#))  
137 "Tadi kamu telah cuba aktiviti naik turun bangku...pantikan rentak kaki ikut bunyi yang kamu  
138 dengar...ingat??? Nanti kita akan cuba gunakan bangku dengan betul...PJ hari Khamis... terima kasih"  
139 Murid mengucapkan terima kasih kepada CT dan kelas bersurai.  
140 Guru tandatangan kehadiran murid

**LAMPIRAN I****CONTOH KOD INDEKS KAJIAN****Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Jasmani di Sekolah Menengah**

<b>BIL</b>	<b>KOD</b>	<b>SUMBER</b>	<b>CATATAN</b>
1.	SMPB/PM/CT/01(23/4)	Nama Sekolah/ <b>Pemerhatian</b> /Nama Peserta Kajian/Bilangan Pemerhatian/Tarikh Pemerhatian.	
2.	SMKC/TB/K/01(23/4)	Nama Sekolah/ <b>Temu bual</b> /Nama Peserta Kajian/Bilangan Temu bual/Tarikh Temu bual.	
3.	SMKST/Dok/SYAM(23/4)	Nama Sekolah/ <b>Dokumen</b> / Nama Peserta Kajian/Tarikh Analisis Dokumen.	
4.	SMPB/CLAPKonteks/CT(27/3)	Nama Sekolah/ <b>Catatan Lapangan Konteks</b> / Nama Peserta Kajian/Tarikh .	
5.	SMPB/CLAPr/CT	Nama Sekolah/ <b>Catatan Lapangan Perancangan</b> /Nama Peserta Kajian.	Tiada spesifikasi tarikh bermaksud catatan dibuat berulang kali
6.	SMKC/CLAPPnp/CMA/(27/3)	Nama Sekolah/ <b>Catatan Lapangan Penyampaian</b> /Nama Peserta Kajian/Tarikh.	
7.	SMPB/CLAPPf/CT(23/4)	Nama Sekolah/ <b>Catatan Lapangan Penilaian Formatif</b> /Nama Peserta Kajian/Tarikh.	
8.	SMKST/TBM/SYAM/05(14/8)	Nama Sekolah/ <b>Temu bual Murid</b> /Nama Peserta/Murid ke lima/Tarikh.	
9.	SMPB/TB/CT/06(26/8/269-273)	Nama Sekolah/Temu bual/Nama Peserta/Bilangan Temu bual( <b>baris transkripsi</b> ).	
10.	SMPB/PM01/PM02/PM03/PM04).	Nama Sekolah/Pemerhatian/ <b>Pemerhatian yang pertama, kedua, ketiga dan keempat</b> .	
11.	SMKC/PM/K/01/03-15).	Nama Sekolah/Pemerhatian/ <b>Pemerhatian yang pertama, ketiga hingga ke lima belas</b> .	
12.	SMKC/CLAPr/K(24/3,14/4,6/5)	Nama Sekolah/ <b>Catatan Lapangan Perancangan</b> /Pada 24/3, 14/4 dan 6/5.	
13.	SMKC/Dok Pen /CMA/K/)	Nama Sekolah/ <b>Dokumen Berkaitan Penilaian</b> /Nama Peserta Kajian.	


## LAMPIRAN J

### PROSES PENGEKODAN MENGGUNAKAN NVivo 7.


#### Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Jasmani di Sekolah Menengah

Langkah-langkah Dalam Membentuk Kod Terbuka (Free Nodes)  
hingga Penghasilan Kategori Kajian

##### 1. Menentukan peserta kajian sebagai unit analisis




##### 2. Mengimport fail-fail yang telah ditranskrip dari MS Office ke NVivo7




... sambungan

### 3. Membuat analisis baris demi baris untuk dibentuk kod dan deskripsi kod



### 4. Deskripsi untuk setiap kod



...sambungan

5. Kod terbuka (*free nodes*) yang terbentuk untuk peserta kajian yang pertama. Dijalankan terhadap keempat-empat peserta kajian. Sebanyak 201 kod terbuka yang terhasil dari penelitian baris demi baris data

The screenshot shows the Nvivo interface with the 'Free Nodes' list open. The list contains 201 entries, each with a name, source count, reference count, creation date, and modification date. A callout box points to the list with the text '201 kod terbuka untuk empat peserta kajian'.

Name	Sources	References	Created	Modified
akul kurang ke	5	5	8/12/2008 9:18 AM	8/12/2008 9:22 AM
akul keperingin	1	1	6/17/2008 12:57 PM	6/17/2008 9:27 PM
akul mund sepi	1	1	8/12/2008 9:27 AM	8/12/2008 9:27 AM
alasan lewat ke	0	0	6/23/2008 12:36 PM	7/9/2008 6:31 PM
ambilikira mapai	2	2	6/19/2008 11:29 AM	6/19/2008 11:39 AM
ambilikira peng	1	1	6/19/2008 10:53 AM	6/19/2008 10:53 AM
arahan meman	2	2	6/23/2008 2:37 PM	8/12/2008 10:10 AM
berbaloi ke	1	1	6/17/2008 12:57 PM	6/17/2008 10:10 AM
berpusatkan gur	1	1	6/23/2008 1:20 PM	8/12/2008 12:27 PM
berpusatkan mu	0	0	6/23/2008 2:38 PM	7/9/2008 6:36 PM
Buku teks mem	2	2	8/12/2008 12:21 PM	8/12/2008 9:40 AM
cungkil bakat m	2	2	6/17/2008 12:42 PM	7/14/2008 4:27 PM
denda mund tlid	1	2	6/23/2008 12:36 PM	9/12/2008 10:09 AM
g beri arahan	2	10	6/16/2008 7:03 PM	8/12/2008 10:09 AM
guru bebi input	2	2	6/23/2008 1:20 PM	8/12/2008 10:14 AM
guru ketius akti	1	1	8/12/2008 9:55 AM	8/12/2008 9:55 AM
guru leku aktiviti	1	1	8/12/2008 10:11 AM	8/12/2008 10:11 AM
guru lewat bba	0	0	6/23/2008 11:30 PM	7/9/2008 6:36 PM
guru tidak meng	0	0	6/23/2008 12:33 PM	8/12/2008 10:09 AM
guru tunggu mu	1	1	6/23/2008 1:20 PM	8/12/2008 10:14 AM
harapan	3	6	6/17/2008 1:22 PM	8/12/2008 10:12 AM
jarang rumus p	1	1	8/12/2008 9:41 AM	8/12/2008 9:41 AM
kebahayahan akti	1	1	6/16/2008 6:43 PM	8/12/2008 9:27 AM
kehafalan meti	1	3	8/12/2008 9:27 AM	8/12/2008 9:27 AM
kelakangan alata	3	6	6/16/2008 6:02 PM	8/12/2008 9:27 AM

6. Melihat kekerapan isu-isu yang ditimbulkan oleh peserta kajian dengan berpandukan kepada *source* dan *reference* di Nvivo. Juga merupakan indikasi ketepuan data

The screenshot shows the Nvivo interface with the 'Free Nodes' list open. Two specific nodes, 'akul kurang ke' and 'akul keperingin', are circled. A callout box points to these nodes with the text 'Source dan reference dapat menentukan ketepuan data'.

Name	Sources	References	Created	Modified
akul kurang ke	1	5	8/12/2008 9:18 AM	8/12/2008 9:22 AM
akul keperingin	1	1	6/17/2008 12:57 PM	6/17/2008 9:27 PM
akul mund sepi	1	1	8/12/2008 9:27 AM	8/12/2008 9:27 AM
alasan lewat ke	0	0	6/23/2008 12:36 PM	7/9/2008 6:36 PM
ambilikira mapai	2	2	6/19/2008 11:29 AM	6/19/2008 11:39 AM
ambilikira peng	1	1	6/19/2008 10:53 AM	6/19/2008 10:53 AM
arahan meman	2	2	6/23/2008 2:37 PM	8/12/2008 10:10 AM
berbaloi ke	1	1	6/17/2008 12:57 PM	6/17/2008 10:10 AM
berpusatkan gur	1	1	6/23/2008 1:20 PM	8/12/2008 12:27 PM
berpusatkan mu	0	0	6/23/2008 2:38 PM	7/9/2008 6:36 PM
Buku teks mem	2	2	8/12/2008 12:21 PM	8/12/2008 9:40 AM
cungkil bakat m	2	3	6/17/2008 12:42 PM	7/14/2008 4:27 PM
denda mund tlid	1	2	6/23/2008 12:36 PM	8/12/2008 10:09 AM
g beri arahan	2	10	6/16/2008 7:03 PM	8/12/2008 10:09 AM
guru bebi input	2	2	6/23/2008 1:20 PM	8/12/2008 10:14 AM
guru ketius akti	1	1	8/12/2008 9:55 AM	8/12/2008 9:55 AM
guru leku aktiviti	1	1	8/12/2008 10:11 AM	8/12/2008 10:11 AM
guru lewat bba	0	0	6/23/2008 11:30 PM	7/9/2008 6:36 PM
guru tidak meng	0	0	6/23/2008 12:33 PM	8/12/2008 10:09 AM
guru tunggu mu	1	1	6/23/2008 1:20 PM	8/12/2008 10:14 AM
harapan	3	6	6/17/2008 1:22 PM	8/12/2008 10:12 AM
jarang rumus p	1	1	8/12/2008 9:41 AM	8/12/2008 9:41 AM
kebahayahan akti	1	1	6/16/2008 6:43 PM	8/12/2008 9:27 AM
kehafalan meti	1	3	8/12/2008 9:27 AM	8/12/2008 9:27 AM
kelakangan alata	3	6	6/16/2008 6:02 PM	8/12/2008 9:27 AM

...sambungan

7. Kod yang mempunyai persamaan makna dikelompokkan untuk dijadikan paksian (*axial coding* atau istilah Nvivo adalah *tree nodes*). Sebanyak 74 pengekodan paksian peringkat pertama terhasil.

The screenshot shows the NVivo interface with the 'Tree Nodes' table open. A callout box highlights the table and contains the following text:

Kod yang mempunyai persamaan makna dikelompokkan kepada kod paksi (tree nodes)

Name	Sources	References	Created	Modified
adaptasi pelakaan prp PJ	0	0	12/5/2008 12:11 PM	12/5/2008 12:11 PM
adaptasi dalam pelakaan	16	34	12/5/2008 12:13 PM	1/9/2009 4:13 PM
adaptasi prp	16	32	12/5/2008 12:13 PM	1/9/2009 4:13 PM
adaptasi sukan pelajaran	0	0	12/5/2008 12:14 PM	12/5/2008 12:14 PM
adaptasi susunan sukan	4	6	12/5/2008 12:15 PM	1/9/2009 4:13 PM
aku kelelahan	0	0	12/5/2008 12:44 PM	12/5/2008 12:44 PM
aku kurang getahuan	2	7	12/5/2008 12:49 PM	12/5/2008 12:49 PM
alasan terhadap MA dalam pelakaan	0	0	12/5/2008 12:16 PM	12/5/2008 12:16 PM
alasan ma dalam prp	9	17	12/5/2008 12:20 PM	12/5/2008 12:20 PM
alasan prp tidak ikut SP	7	12	12/5/2008 12:20 PM	12/5/2008 12:20 PM
ansur maju dalam prp	0	0	12/5/2008 12:52 PM	12/5/2008 12:52 PM
ansur maju ke kemahiran	2	3	12/5/2008 12:54 PM	12/5/2008 12:54 PM
gerakjaya kelas	11	17	12/5/2008 12:57 PM	12/5/2008 12:57 PM
gerakjaya kumpulan	7	7	12/17/2008 11:24 PM	12/17/2008 11:24 PM
lalih tubi	7	10	12/17/2008 11:24 PM	12/17/2008 11:24 PM
munir lalih	2	2	12/17/2008 11:24 PM	12/17/2008 11:24 PM
permasalahan dan pembelajaran	0	0	12/5/2008 12:36 PM	12/5/2008 12:36 PM
rahan tidak tangung	4	10	12/5/2008 12:38 PM	12/5/2008 12:38 PM
guru arah	24	79	12/5/2008 12:47 PM	12/19/2008 3:51 PM
Episod Pengajaran dan Pembelajaran	0	0	12/29/2008 2:11 PM	12/29/2008 2:11 PM
guru tidak puas hati	0	0	12/19/2008 3:51 PM	12/19/2008 3:51 PM
kegembiraan dalam PJ	0	0	12/5/2008 12:54 PM	12/5/2008 12:54 PM
kelangan guru	0	0	12/17/2008 11:24 PM	12/17/2008 11:24 PM
kelurangan guru	0	0	12/5/2008 12:52 PM	12/5/2008 12:52 PM

8. Pengekodan paksian (*axial coding*) pada peringkat kedua. Sebanyak 31 pengekodan paksian dihasilkan pada peringkat ini.

The screenshot shows the NVivo interface with the 'Tree Nodes' table open. A callout box highlights the table and contains the following text:

Kod yang mempunyai persamaan makna dikelompokkan kepada kod paksi (tree nodes)

Name	Sources	References	Created	Modified
adaptasi pelakaan prp PJ	0	0	12/5/2008 12:11 PM	12/5/2008 12:11 PM
adaptasi dalam pelakaan	16	34	12/5/2008 12:13 PM	1/9/2009 4:13 PM
adaptasi prp	16	32	12/5/2008 12:13 PM	1/9/2009 4:13 PM
adaptasi sukan pelajaran	0	0	12/5/2008 12:14 PM	12/5/2008 12:14 PM
adaptasi susunan sukan	4	6	12/5/2008 12:15 PM	1/9/2009 4:13 PM
aku kelelahan	0	0	12/5/2008 12:44 PM	12/5/2008 12:44 PM
aku kurang getahuan	2	7	12/5/2008 12:49 PM	12/5/2008 12:49 PM
alasan terhadap MA dalam pelakaan	0	0	12/5/2008 12:16 PM	12/5/2008 12:16 PM
alasan ma dalam prp	9	17	12/5/2008 12:22 PM	12/5/2008 12:22 PM
alasan prp tidak ikut SP	7	12	12/5/2008 12:20 PM	12/5/2008 12:20 PM
ansur maju dalam prp	0	0	12/5/2008 12:52 PM	12/5/2008 12:52 PM

...sambungan

9. Kod yang mempunyai persamaan makna dikelompokkan pada peringkat ketiga (peringkat selektif)

Nodes

Tree Nodes

Name	Sources	References	Created	Modified
AAAPERANCANGAN	0	0	3/1/2009 12:19 PM	5/8/2009 3:36 PM
aktiviti berseronian	3	3	5/8/2009 4:26 PM	6/3/2009 2:00 PM
kemudahan dan alatan	1	1	5/8/2009 4:27 PM	5/8/2009 4:27 PM
objektif PJ	0	0	3/1/2009 5:46 PM	12/9/2008 5:07 PM
objektif peribadi	25	65	3/1/2009 5:46 PM	6/1/2009 4:41 PM
objekPJ	24	54	3/1/2009 5:46 PM	6/3/2009 2:00 PM
pengertian guru	0	0	3/1/2009 5:48 PM	12/17/2008 11:44 AM
pengertian guru	9	23	3/1/2009 5:48 PM	7/1/2009 5:17 PM
pengertian kurikulum	3	6	3/1/2009 5:48 PM	7/1/2009 5:17 PM
pengertian pedagog	2	3	3/1/2009 5:48 PM	3/1/2009 5:48 PM
pengertian sedia ade mudah	6	8	5/8/2009 4:25 PM	7/1/2009 5:17 PM
Pencangan PNP	0	0	3/1/2009 12:16 PM	3/1/2009 12:16 PM
ABPELAJARANAN	0	0	3/1/2009 12:20 PM	5/8/2009 3:36 PM
ACPELAJARAN	0	0	12/5/2008 5:03 PM	5/8/2009 3:37 PM
ADADAPTASI	0	0	2/1/2009 1:20 PM	5/8/2009 3:38 PM
adaptasi pelaksanaan prp PJ	2	2	12/5/2008 12:11 PM	7/2/2009 12:17 PM
adaptasi dalam pelaksanaan	22	46	12/5/2008 12:13 PM	7/2/2009 6:05 PM
adaptasi prp	23	43	12/5/2008 12:13 PM	7/2/2009 6:05 PM
adaptasi sukanan pelajaran	0	0	12/5/2008 12:14 PM	12/5/2008 12:14 PM
alasan terhadap MA dalam pelaksanaan	1	1	12/5/2008 12:16 PM	7/2/2009 12:17 PM
AKONSEPS GURU	0	0	5/8/2009 3:28 PM	5/8/2009 3:38 PM
aku kelelahan	0	0	12/5/2008 12:44 PM	12/5/2008 12:44 PM
alasan pengaruh dan pembelajaran	0	0	12/5/2008 12:26 PM	12/5/2008 12:26 PM
guru tidak punya hal	0	0	12/19/2008 3:56 PM	12/19/2008 3:51 PM
logemanan dalam PJ	0	0	12/5/2008 2:54 PM	12/5/2008 2:54 PM

10. Membuat *matrix coding query* bagi mengesahkan pola tema

Queries


Matrix Coding Query

Select Project Items


Name	Created	Modified
Documents		
AnisPMer		
AnisTBall		
CTAmek		
CTAmek		
CTTBall		
CTTBall		
CTTBall Mund		
SyamAjam		
SyamAjam		
SyamTBall		
Extens		
Memos		
Free Nodes		
Tree Nodes		
Cases		

...sambungan

11. Merujuk *matrix coding query* dalam membuat pelaporan




12. Contoh: *Matrix coding query* dalam membandingkan pola dan membuat pelaporan



...sambungan

13. Contoh: *Excerpt* dari peserta kajian untuk tujuan pelaporan.



...sambungan

14. Contoh pelaporan dalam Bab IV yang mengandungi *excerpt* dan sumber data

The screenshot shows a Microsoft Word document window titled "Bab IV.doc - Microsoft Word". The document contains the following text:

ramai muridnya yang berada di Tingkatan 2 dan 3 masih tidak dapat menguasai kemahiran yang pernah diajar semasa mereka di Tingkatan 1 dulu, tetapi mereka mempunyai pengetahuan sedia ada sekiranya ditanya. Seperti katanya:

(SMPB TB CT 05(227/102-108)

A large oval highlights the following text from the document:

Ada murid Tingkatan 2 dan 3 yang jumpa saya semula untuk PJ masih tidak dapat kuasai kemahiran... yang dipilih untuk wakil sekolah bola jaring misalnya, saya kena *drill* mereka. Saya kata 'kan kamu sudah belajar masa Tingkatan 1 dahulu'. Konsepnya mereka tahu... tahu hanteran dada bila hendak guna, hanteran sisi bila hendak guna... maksudnya... kita mengajar sekarang ini tidak semestinya kita dapat kesan masa ini... tetapi sekurang-kurangnya mereka ada pengetahuan... tidak untuk hari ini, mungkin untuk esok.

A callout box labeled "Sumber data dan excerpt" points to the highlighted oval.

The status bar at the bottom of the Word window shows "Page 154 Sec 1 24/27 At Col REC TRK EXIT DIR Malay".

The taskbar at the bottom of the screen shows several open windows: "start", "Free Nodes", "TEST PhD", "Lampiran Tesis.doc - ...", "Coding Summary Rep...", "Bab IV.doc - Microsoft...", "Tes PhD Kategori ...", and "8:55 AM".